

## MEMBINGKAI BANGSA MALAYSIA BERTERASKAN ACUAN MAQASID SYARIAH

Ibrahim Ahmad (UniKL RCMP, Ipoh)

[ibrahima@unikl.edu.my](mailto:ibrahima@unikl.edu.my)

Dato' Zamri Hashim (Jabatan Mufti Negeri Perak)

[zamri.jmnpk@gmail.com](mailto:zamri.jmnpk@gmail.com)

### **Abstrak**

*Penentuan sesuatu bangsa adalah hak mutlak dan tanda kebesaran Allah SWT. Kepelbagaiannya menyebabkan wujud pelbagai rencana dalam urusan kehidupan manusia. Kewujudan pelbagai bangsa di Malaysia telah lama berakar umbi sehingga membentuk kewarganegaraan secara bersama setelah negara mencapai kemerdekaan. Sekalipun wujud perbezaan dari aspek agama, budaya dan adat serta cabaran pasca kolonial, usaha membentuk Bangsa Malaysia melalui pelbagai dasar kerajaan tetap berterusan. Kesediaan bertolak ansur, saling memahami, setia kepada ‘Kontrak Sosial’ dan mematuhi Perlembagaan Persekutuan adalah ramuan utama keharmonian negara terus terpelihara. Walaupun wujud gejala sentimen perkauman dan mengeksplorasi agama untuk kepentingan tertentu, namun dapat ditangani secara berhikmah. Hakikatnya, bukanlah mudah untuk melakarkan sebuah Bangsa Malaysia yang mempunyai ta’addudiyyah menerima sesuatu perkara melainkan wujudnya tekad yang luar biasa daripada pelbagai pihak di negara ini. Usaha ke arah membentuk “Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghaffur” perlu diteruskan dari semasa ke semasa agar masa depan setiap warganegara terus terpelihara. Justeru, artikel ini akan membahaskan hasrat dan cabaran membentuk Bangsa Malaysia berteraskan Maqasid Syariah sama ada secara tersurat mahu pun tersirat yang meletakkan Islam dan bangsa melayu sebagai teras pembinaannya.*

### **Kata kunci:**

*Bangsa Malaysia, Maqasid Syariah, kewarganegaraan, keharmonian, Perlembagaan Persekutuan*

### **Pengenalan**

*Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan.....*

Demikianlah rupa kejadian manusia yang dijelaskan melalui ayat 13, dalam surah Al-Hujurat yang mengandungi pelbagai hikmah dan keistimewaan sebagai makhluk Allah S.W.T. Umumnya, rupa dan bentuk kejadian adalah suatu ketetapan, namun bangsa boleh berubah hasil daripada proses tertentu, misalnya melalui perkahwinan yang berbeza bangsa lalu menurunkan bangsa mengikut genetik bapanya. Kemudian, bangsa-bangsa ini bertebaran di muka bumi ini mengikut tempat

masing-masing hingga membentuk alam budaya bangsanya tersendiri. Antaranya ialah Alam Melayu, India, Cina, Arab dan Eropah dan akhirnya mewujudkan negara berteraskan bangsa atau lebih dikenali sebagai negara bangsa.

Dalam konteks Islam, persoalan bangsa dan warna kulit hanyalah sekadar ciri yang membezakan sesama manusia. Bahkan bukan suatu kesalahan jika lebih mencintai bangsanya sendiri selagi tidak menzalimi atau menindas bangsa lain. Dengan erti kata lain, Islam tidak menghalalkan penindasan sesama manusia akibat perbezaan bangsa sebaliknya menganjurkan perkenalan antara satu sama lain. Sekalipun perbezaan bangsa itu melibatkan perbezaan dari aspek agama, Islam tetap memelihara hak mereka melalui konsep *ahlu Dzimmah* mahu pun melalui konsep *al-Jinsiyah* (kerakyatan). Jaminan ini termaktub dalam sebuah hadis yang melakukan pembunuhan kepada kafir *mu'ahad*:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرُو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ قَتَلَ مُعَاهَدًا لَمْ يَرِخِ  
رَائِحَةَ الْجَنَّةِ وَإِنَّ رِيحَهَا تُوجَدُ مِنْ مَسِيرَةِ أَرْبَعينَ عَامًا

*Dari 'Abdullah bin 'Amru r.a dari Nabi SAW bersabda: "Barang siapa yang membunuh mu'ahad (orang kafir yang terikat perjanjian) maka dia tidak akan mencium bau syurga padahal sesungguhnya bau syurga itu dapat dihidu dari jarak empat puluh tahun perjalanan".* (HR al Bukhari)

Hakikatnya, kejadian pelbagai bangsa hingga melahirkan masyarakat majmuk dalam kalangan manusia merupakan manifestasi kebijaksanaan dan keadilan Allah SWT atas penciptaan-Nya sebagai khalifah di Bumi. Justeru, menusialah yang seharusnya menggunakan akal fikirannya dalam usaha membentuk hubungan baik sesama sendiri. Setiap nilai yang baik perlulah diangkat sebagai wadah atau medium ke arah mewujudkan keamanan dan keharmonian. Pendek kata, yang baik diterima, yang bercanggah ditolak atau dibetulkan.

### **Melayu sebagai teras Bangsa Malaysia**

Konsep bangsa Malaysia bukanlah perkara baharu kerana Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Kedua lebih awal mengagasnya ketika merasmikan Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada 16 Ogos 1971. Gagasan beliau jauh lebih awal daripada Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada tahun 1992 dan Konsep 1 Malaysia yang ilhamkan oleh Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak. Bagi Tun Abdul Razak, kewujudannya bermula sebagai "bangsa Malaya dan kemudian menjadi bangsa Malaysia". Konsep bangsa Malaysia boleh direalisasikan melalui kerangka minda dan acuan kita sendiri. Dalam hal ini, rakyat Malaysia perlu mengetepikan perbezaan warna kulit, agama, keturunan dan budaya dalam batas yang dibenarkan hukum agama masing-masing. Konsep Bangsa Malaysia ataupun dijenamakan dengan Keluarga Malaysia perlu konsisten meletakkan dasar bangsa Melayu sebagai teras pembinaan Bangsa Malaysia. Adalah suatu tindakan yang salah

apabila bangsa teras ini dicairkan identitinya dan menjadi korban kepada konsep Bangsa Malaysia kerana ia memberi kesan kepada teras kembarnya iaitu Islam sebagai teras kembar kepada pembinaan Bangsa Malaysia.

Menyingkap sejarah kewujudan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia, ia telah bermula sejak awal peradaban Alam Melayu. Berdasarkan kajian arkeologi sama ada sarjana Barat atau tempatan seperti T. G. Mc Gee, Evans, Zuraina Majid, dan Mohd. Mokhtar Saidin, petempatan di Malaysia (termasuk Sabah dan Sarawak) telah wujud sebelum Masihi lagi. Dalam hal ini, perlu diakui bahawa Orang Melayu merupakan penghuni tertua atau penduduk asal di Malaysia. Ketika berkembangnya kerajaan-kerajaan Melayu-Hindu dan kemudiannya berubah kepada kerajaan Islam, seperti Kedah dan Melaka, masyarakat pelbagai bangsa mula bertapak di Malaysia melalui kegiatan perdagangan. Hal ini menjadi semakin ketara sekitar abad ke-18 dan ke-19 iaitu setelah pihak Inggeris mula membawa masuk orang Cina dan India untuk bekerja dalam sektor ekonomi di sini. Mungkin hal ini boleh dikaitkan dengan pandangan Ibn Khaldun, iaitu '*umran* yang berlaku sama ada di kota mahu pun di luar kota.

Ketika era penjajahan khusus pihak British yang berpaksikan ideologi 'pecah dan perintah', berlaku perubahan sistem nilai secara mendadak khususnya jurang hubungan antara kaum dan ketidakadilan ekonomi antara kaum (Zurina dan Hukill, 2007). Hasilnya, terbentuklah masyarakat pluralistik yang bersifat pluralisme, iaitu keadaan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, kebudayaan, kepercayaan agama dan sebagainya (Kamus Dewan, Edisi Keempat, 2007). Ketiga-tiga kaum utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India mula berperanan sebagai 'satu bangsa' khususnya ketika proses mendapatkan kemerdekaan negara. Kerjasama dan kesepadan antara kaum semakin kukuh melalui pembentukan Parti Perikatan, iaitu gabungan antara Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan Cina Malaya (MCA) dan Kongres India Se-Malaya (MCA) dalam Pilihan Raya pertama Persekutuan pada tahun 1955. Seterusnya, kerjasama ini menjadi asas yang kukuh untuk menuntut kemerdekaan daripada pihak British pada tahun 1957.

Dari aspek politik, secara umumnya masih lagi wujud kerjasama antara parti-parti politik sama parti yang berdasarkan perkauman atau campuran tetapi didominasi oleh kaum-kaum tertentu. Sekalipun wujud agenda berteraskan kepentingan kaum, namun itu adalah 'adat berparti' dan masih dalam sistem demokrasi yang dibenarkan serta tidak menyalahi Perlembagaan Persekutuan. Walau pun sentimen bangsa atau kaum masih berkumandang dalam arus politik negara tetapi lebih bersifat bermusim, iaitu ketika menjelang pilihan raya. Rakyat yang celik politik tidak lagi mudah terpengaruh dengan dakyah sentimen perkauman, sebaliknya sudah bijak menilai sebelum membuat pilihan. Bahkan, sehingga kini agenda politik negara diaplikasikan dengan dasar-dasar yang menjurus kepada membina ikatan kerjasama dan memperkasa program pembangunan negara secara berterusan (Shamsul Amri, 2012).

Namun, persoalan pokok di sini adakah orang Melayu menjadi teras pembentukan bangsa Malaysia? Andai faktor sejarah dijadikan sandaran jawapan kepada persoalan ini, maka sahlah orang Melayu sebagai teras utamanya. Hal ini disebabkan orang Melayu adalah penduduk asal di Malaysia seperti yang dijelaskan sebelum ini. Jika berpaksikan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 153, 160 (2), dan 161 (1A) perlu menjadi sandaran utama kerana jelas memaparkan kedudukan dan hak mereka sebagai penduduk asal. Dengan berlatar belakangkan faktor sejarah, orang bukan Melayu yang telah diterima sebagai warganegara Malaysia seharusnya faham fakta ini dan tidak lagi mempertikaikan kesahihannya. Sejarah adalah fakta yang sukar disangkal di samping sebagai peringatan atau pengajaran-pengajaran sesuatu peristiwa penting seperti yang pernah diungkapkan oleh seorang ahli falsafah, George Santayana, iaitu "*those who forget history are doomed to repeat it*". Justeru, adalah sangat relevan dan signifikan setiap rakyat mengambil tahu sejarah kewarganegaraan di Malaysia agar dapat mencegah daripada terjerat dengan pelbagai sentimen perkauman.

Ungkapan Melayu yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan mempunyai pelbagai elemen atau ciri yang berteraskan Islam, bahasa, adat istiadat dan hubungannya dengan tanah air ini (Abdul Aziz Bari, 2007). Setiap peruntukan berkaitan orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan merupakan tiang seri keharmonian antara kaum. Sebagai contoh, kedudukan sistem beraja berupaya mengurangkan politik perkauman, mengimbangi sistem pentadbiran yang berbilang kaum di samping 'melindungi' Islam daripada dimanipulasi oleh pihak-pihak tertentu. Begitulah juga dengan perancangan-perancangan agenda Bumiputera tidak pernah mengetepikan kepentingan orang bukan Melayu, sebaliknya ia merupakan dasar afirmatif demi memastikan penduduk asal tidak tercicir di tanah airnya sendiri.

Perlu difahami bahawa Perlembagaan Persekutuan menjamin keadilan kepada setiap warganegara Malaysia. Hal ini penting disebabkan keadilan sosial sebagai medium untuk mengekalkan kestabilan warganegara yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya. Walaupun penggubalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini (Melayu) dan Islam sebagai unsur penting pembentukannya, ia tidak mengetepikan unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar sebagai salah satu daripada prinsip utamanya. Begitulah juga dari aspek penggunaan bahasa, walaupun bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa Kebangsaan, namun bahasa-bahasa ibunda kaum lain yang menjadi warganegara Malaysia boleh digunakan malah dikembangkan dalam sistem pendidikan di sekolah aliran mereka. Dalam konteks ini, secara tidak langsung, identiti Melayu merupakan bingkai dan cerminan kepada pembentukan bangsa Malaysia dengan acuan kemajmukan warganegaranya.

## ***Maqasid Syariah Teras Keharmonian Kaum***

Islam datang dengan membawa konsep kehidupan yang harmoni melibatkan masyarakat Islam dan juga bukan Islam kerana asas dalam hubungan sosial sesama manusia adalah perdamaian. Banyak ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW dan amalan Khulafa' al-Rasyidin menjadi model kehidupan yang harmoni dengan penganut pelbagai agama. Piagam Madinah yang digubal oleh Rasulullah SAW pada tahun 1 Hijrah (622M) adalah perlombagaan pertama di dunia sebagai panduan menggubal dasar mengurus negara berbilang kaum dan agama. Hal ini disebabkan kandungan piagam ini adalah jelas dari aspek kebebasan berakidah (beragama), kesetiaan kepada negara dan kepemimpinan, kebebasan memberi pendapat, mencegah pencerobohan, melindungi kehormatan hidup, menjamin keselamatan harta benda dan mencegah daripada melakukan jenayah. Pendek kata, Piagam Madinah adalah “penyuluhan” kepada kita dalam usaha membentuk ummah dan bangsa dalam sesebuah masyarakat majmuk serta menjamin keamanan dan keharmonian.

Mengikut Shamsul Amri (2012), kesepadan sosial dalam kalangan Malaysia sudah sedia wujud. Pembentukan negara bangsa menjadi wadah utama melalui beberapa ciri khas yang terhasil melalui proses perkongsian sejarah yang dilalui secara bersama. Hal ini boleh diaplikasikan melalui struktur sosial, ekonomi, politik dan budaya. Lebih penting lagi, Islam telah menggariskan asas-asas yang kukuh demi memastikan hubungan sesama manusia sentiasa harmoni dan terpelihara hak masing-masing. Malahan, Islam juga sangat menitibatkan kedamaian dan kesejahteraan sesama anggota masyarakat sekalipun berbeza bangsa, kaum, dan agama. Justeru, Islam meletakkan asas-asas hubungan antara bangsa ini melalui konsep seperti ***al-wala'*** (kesetiaan kepada negara), ***al-ta'aruf*** (saling berkenalan), ***al-tafahum*** (saling memahami), ***al-ta'awun*** (saling bekerjasama), ***al-ukhuwwah*** (persaudaraan), ***al-mahabbah*** (berkasih sayang) dan ***al-tadhamun*** (saling menjamin) sebagai panduan utama dalam mengurus hubungan tersebut. Jika konsep ini dipegang sebagai ‘ramuan dan resepi’ dalam menjaga hubungan antara kaum, nescaya akan kekallah kemanan dan keharmonian bangsa Malaysia. Tetapi, jika ia dipalit dengan sentimen dan anti antara kaum, mem persoalkan asas pembinaan bangsa yang telah disepakati sebelum ini, menzahirkan pengkhianatan kepada negara, sudah tentu natijahnya adalah persengketaan dan permusuhan yang berpanjangan serta matlamat untuk mewujudkan sebuah bangsa Malaysia hanyalah angan-angan dan igauan yang tidak akan kesampaian.

Sesungguhnya, negara dan agama tidak boleh dipisahkan sebaliknya adalah elemen yang saling berkait antara satu dengan lain. Islam adalah syumul dan bersifat sejagat (universal), bukan sahaja terbatas membicarakan soal hukum agama dan ibadat semata-mata, sebaliknya merangkumi hal-hal kenegaraan, pentadbiran, ekonomi, politik dan sebagainya. Secara umum *Maqasid al-Syariah* merujuk kepada tujuan bersyariat. Wahbah al-Zuhaili pula mentakrifkan *Maqasid al-Syariah* sebagai tujuan yang dititikberatkan dalam semua hukum atau sebahagian besarnya atau

termasuk juga rahsia yang wujud di sebalik persyariatan setiap hukum (Wahbah al-Zuhaili, 1996). Tuntasnya, *maqasid al-syariah* merupakan suatu matlamat yang ditentukan oleh syariah bagi mencapai kepentingan manusia di dunia dan akhirat dalam usaha melakukan kebaikan (*jalb al-maslahah*) dan menghapuskan keburukan (*daf' al-mafsadah*).

Suatu ketika pernah timbul polemik sama ada Malaysia sebuah negara Islam atau sekular sehingga masyarakat dibelenggu dengan pandangan-pandangan negatif yang boleh menggugat perpaduan. Pada hal, jika diteliti ia lebih bersifat *ijtihadiyah* yang terhasil daripada ijihad para pemikir Islam. Sepatutnya umat Islam tidak sibuk berbahas mengenai istilah tersebut sebaliknya menumpukan kepada pengisian Islam dalam negara itu sendiri. Wujudnya sikap tidak bertanggungjawab mencanang hujah-hujah mengelirukan seperti Tun Salleh Abas pernah memutuskan Malaysia adalah sebuah negara sekular adalah fitnah dan perlu dihentikan. Begitulah juga polemik politik yang muncul secara bermusim bagi meraih sokongan atau undi perlu diterjemah sebagai dasar yang akan dilaksanakan jika diberi mandat oleh rakyat. Hakikatnya, umat Islam mempunyai ruang untuk memilih pendapat yang selari dengan situasi di sesebuah negara. Sebagai contoh, pendapat Muhammad Abu Zahrah, Yusuf al-Qardawi, al-Buti dan al-Zuhayli dianggap sesuai dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia (Abd Manaf Ahmad, 2016).

Sebagaimana pandangan Ibn Asyur, *Maqasid al-syariah* yang berbentuk maslahat boleh dilihat dari tiga dimensi. Pertama, maslahat yang mempunyai pengaruh terhadap urusan ummah dari aspek ***dharuriyyat***, ***hajiyah*** dan ***tahsiniyyat***.<sup>1</sup> Kedua, dimensi perhubungan secara kolektif atau personal yang melibatkan kepentingan umat dan memberi kesan sama ada secara kulliyat (keseluruhan atau sebahagian besar) mahu pun ***juz'iyyat*** (dalam bidang tertentu). Dan ketiga, dimensi yang melibatkan cara atau kaedah maslahah terhasil sama ada melalui ***qat'iyyah*** (melibatkan dalil atau nas yang jelas), ***zhanniyyah*** (penilaian oleh akal berdasarkan dalil atau nas yang terbuka kepada pentafsiran), atau ***wahmiyyah*** (perhitungan akal yang nampak seperti ada kebaikan, tetapi tetap memberi kemudarat).

Dalam konteks masyarakat Malaysia, *Maqasid al-syariah* bukanlah mutlak kepada orang Islam semata-mata, sebaliknya ia mempunyai nilai sejagat dan wajar diterima atau disepakati oleh keseluruhan warganegara tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan. Dari aspek pemerintahan dan pentadbiran negara, hal ini boleh diteliti melalui beberapa peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan khususnya aspek ***dharuriyyat***, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Berkaitan memelihara agama, ia termaktub dalam Perkara 3, 11(4), 12(2), dan 37 yang perlu dibaca bersama-sama Jadual Keempat,

<sup>1</sup> *Dhoruriyyat* merujuk kepada keperluan asasi manusia termasuklah keperluan memelihara agama, nyawa, akal, maruah dan keturunan. *Hajiyah* merujuk kepada keperluan untuk keselesaan untuk mengelak daripada kesempitan hidup. Manakala *tahsiniyyat* bermaksud *kamalat* yang berkaitan dengan kesempurnaan kehidupan.

Perkara 150 dan 160(2). Memelihara nyawa dan kehidupan boleh ditafsirkan sebagai menjaga keturunan yang termaktub dalam Perkara 5. Menjaga akal pula adalah bersifat umum iaitu berkaitan kebebasan bersuara seperti dalam Perkara 10, manakala memelihara harta pula adalah melalui Perkara 13. Tegasnya, peruntukan yang berkaitan dengan kebebasan asasi melalui Bahagian II Perlembagaan Persekutuan adalah selari dengan prinsip *maqasid-al-syariah*. Secara tidak langsung prinsip *maqasid al-syariah* bukan sahaja wujud secara tersirat tetapi dijamin oleh undang-undang tertinggi negara. (Shamrahayu Ab. Aziz, 2016).

Dari aspek ekonomi, prinsip *Maqasid al-syariah* ini boleh dikaitkan dengan usaha kerajaan melonjakkan pendapatan negara dan rakyat ke tahap lebih tinggi tanpa mengira kaum. Dengan berteraskan keadilan dan kesaksamaan ekonomi, setiap warganegara berhak menikmati ‘hasil’ yang disediakan oleh pihak kerajaan. Hal ini boleh diteliti melalui pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Model Ekonomi Baru (MEB), Wawasan 2020 dan Wawasan Kemakmuran Bersama yang mensasarkan pencapaian untuk membasmi kemiskinan, pemilikan ekuiti secara adil, peningkatan pelaburan dan pertambahan peluang pekerjaan. Semua ini dirancang dengan teliti mengikut tempoh yang ditetapkan di samping persediaan yang praktikal jika berlaku krisis ekonomi. Perbelanjaan negara perlulah dilakukan secara berhemat tanpa sebarang pembaziran dan penyelewengan. Justeru, dalam usaha merancang masa depan dasar ekonomi negara, pihak kerajaan tidak terlepas daripada peringatan dan saranan kitaran 7 tahun seperti yang terkandung dalam Surah Yusuff, ayat 46 – 48:

يُوْسُفُ أَيُّهَا الْصِّدِيقُ أَفَتَنَا فِي سَبْعَ بَقَرَاتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعَ سَبْعَ عِجَافٌ وَسَبْعَ سُبْلَاتٍ حُضْرٌ  
وَأَخْرَى يَاسِتٍ لَعَلَى أَرْجُعٍ إِلَى النَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٤٦﴾ قَالَ تَزَرَّعُونَ سَبْعَ سِينِينَ دَأْبًا فَمَا حَصَدُتُ فَذَرُوهُ  
فِي سُبْلَةٍ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا تَأْكُلُونَ ﴿٤٧﴾ ثُمَّ يَأْتِي مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ سَبْعٌ شِدَادٌ يَا كُلُّ مَا قَدَّمْتُ لَهُنَّ إِلَّا قَلِيلًا مِمَّا  
تُحَصِّنُونَ ﴿٤٨﴾

*Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya kecuali sedikit daripada bahagian yang kamu jadikan untuk makan. Kemudian, sesudah itu akan datang tujuh tahun yang amat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (tahun sulit), kecuali sedikit dari (bibit gandum) yang kamu simpan.*

Islam hanya menggariskan panduan umum kepada pemimpin, manakala pelaksanaan urus tadbir negara terletak kepada kebijaksanaan para pemimpin. Dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia, bukanlah suatu kesalahan mengambil faedah daripada pengalaman orang bukan Islam dalam urusan pentadbiran asalkan berteraskan keadilan dan menjamin kepentingan umum serta tidak menyalahi nas

syarak. Hal ini berdasarkan tindakan Umar al-Khattab yang pernah mengadaptasi sistem pemerintahan Tamadun Rom dalam pentadbirannya demi memenuhi maslahah umum iaitu mengurus negara agar lebih baik dan berkesan (Hayaati dan Asmak, 2011). Begitulah juga dengan Dasar Pandang ke Timur yang diperkenalkan pada awal tahun 1980-an, mencontohi nilai terbaik Jepun dan Korea dalam usaha menerapkan nilai dinamisme ekonomi dan cara bekerja yang efektif bagi meningkatkan produktiviti negara. Secara tidak langsung, situasi ini menggambarkan bahawa syariat Islam dalam urusan pentadbiran negara adalah bersifat fleksibel dan sejajar dengan keperluan semasa. Selain berpaksikan al-Quran dan Sunnah, urusan ini juga terbuka kepada ijihad pemerintah sebagaimana pandangan Ibn al-Qayyim;

*“Sekiranya engkau bermaksud bahawa tidak ada siyasah kecuali apa yang diungkapkan oleh syarak, maka ia adalah salah, dan juga menyalahkan tindakan para sahabat”.*

Sekadar menukilkan nilai urus tadbir (*value-based-government*) iaitu akauntabiliti, ketelusan, keadilan, integriti, *good* dan *effective governance* serta kebebasan, membuktikan pihak kerajaan mempunyai kesungguhan untuk meletakkan *maqasid-al-syariah* sebagai *standard of practice* dalam urusan pentadbiran negara. Begitulah juga dengan penyusunan sasaran setiap Rancangan Malaysia perlu meletakkan prinsip-prinsip *maqasid al-syariah* sebagai bingkai memperkuuh kerjasama antara kaum. Malahan, dalam usaha menjana ekonomi negara pihak keajaan perlu menitikberatkan ‘moral’ dan sedaya upaya mengelak daripada bercampur dengan unsur-unsur meragukan (*syuhah*) demi menepati tuntutan hadis yang bermaksud “sebaik-baik alat bantu mencapai takwa adalah harta”. Maka jelaslah bahawa dengan berpandukan kaedah-kaedah *maqasid al-syariah*, pemerintah akan lebih berpandangan jauh dalam menilai dan menimbang antara tahap-tahap kemaslahatan dan kemudaratian yang terhasil daripada sebarang tindakan yang akan diambil di samping mengambil iktibar tindakan sebelumnya.

Tuntasnya, dalam pentadbiran kerajaan, beberapa pendekatan telah digerakkan iaitu menjadikan *Maqasid al-Syariah* sebagai salah satu mekanisme untuk membina semula kesejahteraan rakyat dan memantapkan lagi pembangunan dan pentadbiran negeri. Para pemimpin perlu bertanggungjawab memastikan sistem urus tadbir Islam ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin mengikut saranan *siyasah syari'iyyah* yang telah ditetapkan. Tambahan pula, jika hal ini dilihat dalam konteks global, *Maqasid al-Syariah* amat berkait rapat dengan agenda pembangunan yang mampan di peringkat antarabangsa, iaitu *Sustainable Development Goals* (SDGs) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang merangkumi 17 Matlamat yang menyasarkan kesejahteraan dunia pada tahun 2030.<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup> Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) melalui Sidang Kemuncak Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Pembangunan Lestari di New York pada 25 - 27 September 2015 menetapkan 17 sasaran yang perlu dicapai oleh semua negara bangsa menjelang 2030.

## Bangsa Malaysia sebagai tunjang Keluarga Malaysia

Tidak dinafikan, sesetengah warganegara Malaysia pada masa kini nenek moyangnya memang berasal dari sebuah peradaban asing atau diistilahkan sebagai ‘pendatang’ - telah menjadi catatan sejarah. Namun, mereka telah memilih untuk menjadi warganegara Malaysia sebagai bumi baharu mereka - maka *di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung*. Hakikat, batas geografi bukanlah penghalang untuk membentuk sebuah negara secara bersama. Hasrat untuk membentuk bangsa Malaysia yang sejati merupakan cita-cita murni ke arah mewujudkan sebuah negara yang stabil dan terus maju ke hadapan. Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia pernah menjelaskan bahawa Bangsa Malaysia adalah bangsa yang mampu mengenal pasti diri mereka dengan negara bertutur dalam bahasa Malaysia dan menerima Perlembagaan Persekutuan (“*as people being able to identify themselves with the country, speak Bahasa Malaysia and accept the Federal Constitution*”) (Shaharuddin Badaruddin :2007)

Menyingkap sorotan sejarah, kerjasama antara kaum dan agama telah pun wujud sejak awal negara mencapai kemerdekaan lagi, iaitu menerusi pendekatan *tahaluf siyasi* (kerjasama dengan bukan Islam). Malahan, dalam proses tersebut pendekatan politik ekstrem dengan bukan Islam diketepikan demi keharmonian bersama. Bahkan, sangat jelas kepemimpinan pada ketika itu menepati konsep *tahaluf siyasi* seperti yang ditekankan oleh Dr Yusuf al-Qardawi, Dr Mustoffa al-Tohnan, Syeikh Muhammad Ahmad al-Rasyid, Dr Solah al-Showl dan Dr Munir Ghadban. Selain itu, Malaysia juga berjaya melakar sejarah sebagai sebuah negara Islam yang mampu menjamin hak warganegara bukan Islam dan konsep kafir *Dhimmi* dan *Harbi* telah dipraktikkan dalam perundangan Islam mengikut kesesuaian sesuatu situasi.

Namun, langit tidak selalu cerah lantaran tercetusnya tragedi berdarah 13 Mei 1969 yang menjadi titik hitam sejarah hubungan antara kaum di Malaysia. Tragedi ini membuka mata semua kaum bahawa tidak ada faedahnya sesama warganegara melebihkan tuntutan kepentingan kaum masing-masing melalui saluran politik. Perjuangan politik berdasarkan kaum tanpa memikirkan kepentingan bernegara bukan sahaja meleburkan cita-cita perpaduan tetapi mengundang perpecahan dari satu generasi ke satu generasi. Setelah itu, baharulah jelas ciri sebuah bangsa Malaysia dengan meletakkan budaya Melayu sebagai asas budaya kebangsaan; Raja-raja Melayu sebagai simbol kedaulatan; bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan; dan, Islam sebagai agama Persekutuan.

Malaysia juga pernah menghadapi tahap defisit sosial hingga menjaskan kesepadan sosial. Keharmonian dan perpaduan masyarakat kadang kala boleh terjejas tatkala berlakunya pergolakan dalam masyarakat. Oleh sebab itu, beberapa cabaran sosiopolitik yang masih wujud perlu ditangani secara bijak dalam melakar wawasan pembangunan pada masa hadapan. Semuanya demi kepentingan sebuah Keluarga Malaysia yang sejahtera, memiliki pegangan agama yang kukuh dan jati diri

yang mantap. Selain itu, tadbir urus negara juga merupakan salah satu elemen penting yang perlu diberi perhatian dalam syariat Islam kerana ia adalah tonggak kepada kesejahteraan kehidupan bernegara. Dengan meletakkan elemen *Maqasid al-Syariah* bagi memastikan segala urusan kehidupan dan pentadbiran negara berjalan lancar, sudah tentu akan menatihahkan kebaikan serta kesejahteraan kepada seluruh rakyatnya. Pendek kata, kesejahteraan dan keharmonian rakyat sangat bergantung kepada kestabilan politik, ekonomi dan sosial lantaran tiadanya konflik atau persengketaan.

Malaysia mampu dipacu sebagai sebuah negara maju dan rakyat hidup aman serta harmoni sekiranya perbezaan etnik, sosiobudaya dan anutan kepercayaan dapat diurus dengan bijaksana. Dalam hal ini, jalinan interaksi bukan sahaja terbatas sesama kaum atau seagama sahaja, bahkan ia perlu merentasi bangsa, kaum atau agama. Dalam usaha mengatur tadbir urus Keluarga Malaysia yang berpandukan *Maqasid al-Syariah*, kesejahteraan hidup dan kualiti *insaniyyah* setiap warganegara perlu menjadi keutamaan dan bersifat adil agar hubungan insaniyyah terus erat terjalin dan akhirnya membawa perpaduan dan ukhuwah yang sejati, bukannya bersifat tenang di permukaan, bergelora di dasar. Setiap warganegara perlu sedar bahawa kita adalah warganegara ‘satu bangsa tetapi pelbagai kaum - satu bangsa dalam satu negara! Walaupun sekali sekala berlegar isu status warganegara bukan Muslim, iaitu *dhimmi* atau *harbi*, realitinya sudah pun berbeza kerana pokok utama sekarang ialah *al-muwatinun* (warganegara) seperti yang pernah dibicarakan oleh Fahmiy Huwaidiy melalui bukunya *Muwatinun la dhimiyyun*. Konsep *al-Muwatinun* berkenaan perlu diserasikan dengan realiti sejarah dan perlembagaan negara. Perlembagaan Madinah memberi panduan kepada kita bahawa orang Yahudi di Madinah pada peringkat awal penubuhan negara Madinah telah menunjukkan taat setia kepada negara Madinah dan kepimpinan Rasulullah SAW, maka mereka dilayan sebagai warganegara yang menikmati hak-hak sebagai warga negara. Namun, apabila mereka telah mengkhianati negara dan juga Rasulullah SAW, maka mereka telah menerima akibat kerana ketidak setiaan sebagai warga negara Madinah.

Keharmonian dan keamanan sejagat sangat dituntut agar diterapkan dalam kehidupan bernegara. Dalam konteks ini, kita masih memerlukan formula dan strategi baharu dalam melaksanakan sesuatu dasar, khususnya dari aspek pendidikan, ekonomi, bahasa, dan kebudayaan. Ibnu Khaldun berpendapat bahawa Khalifah atau kepemimpinan bermaksud yang membawa seluruh masyarakat atas jalan syariat (Abd. Rahman, 2002). Dalam hal ini, pemimpin politik khususnya perlu berani berubah daripada kepompong perjuangan berasaskan perkauman kepada pengisian bernegara dengan tidak melupakan asas-asas utama pembinaan negara. Di Malaysia terdapat lebih kurang 200 suku kaum yang memerlukan pengurusan agenda politik secara matang. Andai dibiarkan amalan politik berasaskan kaum atau etnik, bukan sahaja tumbuhnya pelbagai pertubuhan bermotifkan kaum atau etnik masing tetapi akan menghancurkan matlamat bangsa Malaysia yang berteraskan *maqasid al-*

*syariah*. Justeru, setiap pemimpin perlu menyediakan ruang perkongsian (*ardiyah musytarakah*) sebagai bingkai perpaduan antara warganegara.

Jika berlaku sesuatu pertikaian atau ketidakpuasan hati dalam kalangan warganegara bukan Melayu, pihak kerajaan mestilah memberi penjelasan kepada mereka tentang rancangan pembinaan bangsa agar tidak berlaku salah faham dan konflik yang berpanjangan. Sewajarnya, pembinaan bangsa merangkumi semua aspek yang memberi kebaikan kepada semua rakyat Malaysia termasuk masyarakat bukan Melayu. Selain itu, masyarakat bukan Melayu juga perlu berfikiran positif kepada usaha pembinaan bangsa agar dapat dilaksanakan tanpa sebarang gangguan serta memberi kebaikan kepada seluruh rakyat Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia yang hidup dalam suasana kemajmukan kaum dan budaya kita haruslah bertolak ansur dan tidak mementingkan diri serta berusaha mengelak daripada tercetusnya perbalahan sesama warganegara.

Pun begitu, seseorang rakyat Malaysia yang berpegang kepada prinsip Rukun Negara, haruslah mengelakkan daripada mencetuskan masalah perkauman yang boleh memudarangkan semua rakyat Malaysia. Dalam usaha mencapai pembinaan bangsa yang bersatu padu, kita haruslah bersedia untuk berkorban demi kebaikan bersama. Walaupun orang Melayu diberi keistimewaan di Malaysia lebih daripada orang bukan Melayu, hal ini bukan bermakna kaum-kaum lain dipinggirkan. Sebagai sebuah kerajaan yang adil, sehingga kini pihak kerajaan tetap memberi perhatian kepada orang bukan Melayu dan menjaga kebijakan mereka. Apabila kepentingan orang bukan Melayu dijaga, mereka akan menyokong dan mengurangkan tentangan terhadap pembinaan bangsa Malaysia. Hakikatnya, masyarakat sedar bahawa bersatu akan melahirkan ekonomi dan politik yang maju dalam sesebuah negara itu. Begitulah juga dengan peranan pendidikan yang sangat penting untuk melahirkan bangsa yang berjaya dari segi ekonomi dan politik.

Pembinaan bangsa tidak akan dapat dicapai jika tiada orang yang bertolak ansur. Tidak mustahil dalam situasi tertentu, akan berlaku ketidakpuasan hati orang bukan Melayu atas alasan ingin melindungi identiti etnik dan budaya mereka. Mereka menganggap pembinaan bangsa Malaysia akan melenyapkan identiti etnik dan budaya mereka kerana keutamaan akan diberikan kepada orang Melayu dan mereka terpaksa mengikut identiti dan budaya orang Melayu. Maka, inilah suatu cabaran besar bahawa tidak mudah untuk merealisasikan pembinaan bangsa Malaysia kerana akan wujud segelintir masyarakat bukan Melayu yang salah faham matlamat ini. Hal ini disebabkan semua kumpulan etnik atau kaum mempunyai beberapa dasar yang tidak boleh dirundingkan dan dengan demikian, permuafakatan dalam kalangan identiti yang berbeza mungkin tidak semudah teori integrasi dan perpaduan. Kesedaran etnik yang meningkat, ditambah pula dengan sentimen dan persetujuan yang wujud sejak dahulu lagi tidak membantu memupuk pemahaman antara etnik dan kesederhanaan. Untuk mencapai pembinaan bangsa setiap masyarakat haruslah saling memahami antara satu sama lain dan sanggup menerima identiti dan budaya

masyarakat lain dalam melahirkan masyarakat yang majmuk dengan kepelbagaian budaya

Membentuk satu bangsa baru bukanlah mudah terutama apabila kita berhadapan dengan satu masyarakat yang mempunyai kepelbagaian dalam bentuk ras, etnik, bahasa, negeri dan sebagainya. Sudah tentu yang paling penting sekali ialah pembentukan budaya dan identiti sesuatu bangsa itu. Sejak mencapai kemerdekaan, beberapa dasar telah diperkenalkan untuk membentuk identiti bangsa Malaysia seperti percubaan untuk mengwujudkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Bahasa Kebangsaan di awal tahun 1970-an, dan di akhir-akhir ini identiti Bangsa Malaysia ini cuba dibentuk pula melalui Dasar Pendidikan Negara. Namun, yang menjadi masalah besar dalam mencapai cita-cita pembentukan identiti Malaysia itu ialah pelaksanaannya dan juga matlamat dasar yang diragui keberkesanannya. Yang pastinya kelemahan asas yang paling ketara ialah pihak-pihak tertentu tidak mempunyai *political will* dan *political honesty* untuk melaksanakannya atas kepentingan bersama atau negara.

Selama 65 tahun merdeka, Malaysia masih mampu mengekalkan keamanan dan keharmonian. Rakyat Malaysia hidup dalam sebuah 'keluarga besar' yang dipandu oleh agama, Perlembagaan, Rukun Negara, sistem perundangan, dasar-dasar dan nilai-nilai murni yang diamalkan oleh seluruh warga negara. Walaupun pelbagai cabaran dihadapi dan kadang kala menggugat keluarga besar ini, namun ikatan perpaduan yang terbina sejak sekian lama masih utuh tanpa sebarang musibah 'berdarah' yang serius. Sehingga kini masih wujud ruang perdamaian hasil daripada perbincangan di samping kewujudan perundangan yang tegas untuk mengawal pelbagai anasir yang menggugat perpaduan dan integrasi antara kaum. Semua ini dapat dinikmati jika setiap etnik memahami peranan atau tanggungjawab dalam usaha membina Bangsa Malaysia.

Apa yang lebih penting ialah nilai penyatuan dan kebersamaan Bangsa Malaysia yang memusuhi kemiskinan, rasuah dan sentimen perkauman demi mengangkat masyarakat Malaysia menjadi satu bangsa yang bermaruah dan dihormati di peringkat dunia. Jika diteliti dari aspek antropologi-sosiologi, ia adalah berkaitan dengan integrasi yang menjadi jalan tengah untuk menyelamatkan masyarakat dari jatuh ke gaung asimilasi atau pun terjerumus ke kancah segregasi perpecahan. Di samping itu, perlu wujud sifat keterbukaan semua bangsa untuk berkongsi aspirasi yang sama demi menuntaskan penjelmaan konsep Bangsa Malaysia. Hal ini disebabkan sifat keterbukaan adalah satu ciri utama citra umat Melayu sewaktu era awal pembinaan masyarakat bertamadun dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pembinaan peradaban suatu ketika dahulu.

Wacana umum tentang Bangsa Malaysia kerap juga memperihalkan ciri-ciri bangsa Malaysia. Antara istilah penting yang perlu dirujuk dalam perbincangan konsep bangsa Malaysia ialah toleransi. Kewujudan warganegara yang mempunyai pelbagai etnik menyebabkan istilah toleransi kerap kali digunakan. Oleh hal yang demikian, maka sejajarnya toleransi dan kesederhanaan ditanam di dalam minda setiap warganegara dalam usaha memastikan semua kaum dapat hidup dengan aman dan harmoni. Begitulah juga istilah perpaduan sejajarnya difahami dalam konteks Bangsa Malaysia, bukannya merujuk khusus kepada satu bangsa, satu agama dan satu bahasa hingga mengelirukan banyak pihak. Justeru, perpaduan sepaututnya merujuk kepada kepelbagaian bangsa seiiring dengan slogan *unity in diversity* (perpaduan dalam kepelbagaian), iaitu mengiktiraf kewujudan kepelbagaian ini. (Chandra Muzafar, 1996).

### Kesimpulan

Bangsa tidak dapat ditukar, tapi boleh berubah. Kejadian pelbagai bangsa adalah tanda kebesaran kekuasaan Allah (Sunnatullah). Ungkapan *Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur* adalah inspirasi dan impian yang perlu direalisasikan dalam konteks Bangsa Malaysia. Jika tafsir asalnya meletakkan Saba dan Yaman sebagai negeri yang makmur dan aman, bangsa Malaysia juga boleh mengambil contoh kejayaan dan iktibar ‘kecelakaan’ yang menimpa negara tersebut akibat melanggar perintah Allah SWT. Hal ini bererti, makmur dan harmoninya sesebuah negara adalah wujudnya warganegara yang memiliki sahsiah dan peribadi yang tinggi sekaligus bertepatan dengan pendirian al Farabi; “negara untuk rakyat, bukan rakyat untuk negara” atau *al - madinat al-Fadilah* (negara yang berdasarkan moral).<sup>3</sup>

Pada hakikatnya, *maqasid al-syariah* telah pun diaplikasikan dalam pelbagai sudut kehidupan di Malaysia, termasuklah hal ehwal kemasyarakatan, perundungan, kewangan dan pentadbiran. Bahkan perlu diakui, pelaksanaannya telah membawa solusi kepada banyak permasalahan dan mendatangkan kehidupan yang lebih baik (*hayatan thaiyyibah*). Selain itu, fahaman kebangsaan tidak seharusnya dikaitkan dengan fahaman sempit dan unsur-unsur negatif, tetapi perlu dipandu atau dibingkai oleh nilai-nilai Islam. Dengan erti kata lain, kebangsaan Malaysia bukanlah assabiyah jahiliah sebaliknya berpaksikan assabiyah yang digagas oleh Ibnu Khaldun. Perundungan syariah yang menitikberatkan keadilan dan kesaksamaan yang bersifat ‘*amar makruf, nahi mungkar*’ perlu diangkat setaraf dengan perundungan sivil.

---

<sup>3</sup> Antara tokoh-tokoh Islam yang membincangkan “Negara berdasarkan moral” ialah al-Dehlawi dalam karyanya *Hujjatu ‘Llah al-Balighah* dan *al-Budur al-Bazighah* dan al-Farabi melalui karyanya *al-Madinah al-Fadilah*.

Sehingga kini, Malaysia adalah antara negara yang aman di dunia. Berdasarkan tahap keamanan dalam Indeks Keamanan Global (GPI) 2021, Malaysia berada pada kedudukan ke-23 daripada 163 negara dan wilayah yang bebas serta mempunyai tahap keamanan yang tinggi. Malaysia juga berada dalam kalangan lima negara paling aman di rantau Asia Pasifik. Berdasarkan Indeks Demokrasi oleh *Economist Intelligence Unit* (EIU) pada tahun 2020, Malaysia diletakkan pada kedudukan ke-39. Falsafah dan prinsip toleransi serta menghormati sesama warganegara seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara perlu diperkuuhkan dan perpaduan sesama rakyat wajib disuburkan bagi membina Keluarga Malaysia yang sejahtera dan harmoni. Setiap prinsip Islam yang berhubung dengan nilai-nilai kemanusiaan perlu diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Seungguhnya, Syariat Islam adalah panduan, rahmat dan kedamaian kepada seluruh alam tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit sebagaimana firman Allah SWT dalam *Surah al-Anbiya* ayat 107 yang bermaksud:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ  
١٧

"Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."

## Rujukan

- A. Aziz Deraman, (2000). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Manaf Ahmad, (2016). *Hentikan Polemik Negara Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. (2006). *Negara-bangsa: Proses dan Perbahasan*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chandra Muzaffar. (1996). *Keadilan Sosial di Malaysia: Satu Penilaian*, dalam Azizan B. & Chandra M. (Pty.), Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD).
- Mohd Rumaizuddin Ghazali, (2018). “Kepentingan Maqasid Syariah dalam Berfatwa di Malaysia”. *Journal of Fatwa Management and Research*, 4(1), 7-32.
- Ibnu Khaldun, (1991). *Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibnu Khaldun, ‘Abd al-Rahman, (2004). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Kaherah: Dar al-Fajr.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shaharuddin Badaruddin. (2007). *Pengukuhan Bangsa Malaysia Dan Cabarannya*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Shamsul Amri Baharuddin, (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamrahayu Ab. Aziz. (2018). “Maqasid Syariah dalam Perlembagaan Persekutuan: Suatu Perbahasan Awal”, ketas kerja *Seminar Maqasid Syariah dalam Pentadbiran Negara*, anjuran Pejabat Orang Besar Jajahan Kerian dan Pejabat Agama Parit Buntar, Perak.
- Siddiq Fadzil, (2016). *Pembinaan Bangsa Kepelbagaian dalam Bingkai Kesatuan*. Selangor: Institut Darul Ehsan.
- Syarifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy dan Asmak Ab Rahman, (2011). “Effective governance in the era of caliphate ‘Umar ibn al-Khattab (634-644)”, *European Journal of Social Sciences*, 18(4): 614-624.
- Yusof Qaradawi, (2010). *Islam: An Introduction*. Syed Bashir Ahmad Kashmiri (Penterjemah), Kuala Lumpur: Islamic Book Trust (IBT).
- Wahbah al-Zuhaili, (1996). *Usul al-Fiqh al-Islami*, Jilid. 2. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Zurina Mahadi dan Hukil Sino, (2007). *Hubungan Nilai Masyarakat & Pembangunan: Satu Analisa*. *Jurnal Pengajaran Umum*, Bil. 8, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.